

16/01/2003

Dr Mahathir pertahan tindakan Valuecap

Kadir Dikoh; Veena Rusli

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan Valuecap Sdn Bhd (Valuecap), syarikat yang dimiliki bersama tiga perbadanan kerajaan memasuki pasaran saham tempatan.

Perdana Menteri menegaskan ia adalah hak syarikat pengurus dana terbabit untuk berbuat demikian dan tidak timbul langkah Valuecap itu telus atau sebaliknya.

"Saya tak tahu apa nak telus lagi, dia berhak membeli saham dan dia tak beli banyak saham pun. Kerana ada saja Valuecap, orang pun berminat (memasuki pasaran), naiklah harga lagi.

"Valuecap pun bukan beli banyak. Orang lain telus...tunjukkan kepada saya yang lain yang menggerak untuk menurunkan nilai saham. Adakah mereka telus," katanya selepas menghadiri majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di Kota Bharu, semalam.

Valuecap dengan dana RM10 bilion dilaporkan memulakan operasi membantu meningkatkan Indeks Komposit (IK) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) daripada 1.47 peratus pada Jumaat, 2.46 peratus Isnin dan 1.52 peratus kelmarin.

Valuecap dimiliki secara bersama oleh Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, penyertaan Valuecap mengembalikan keyakinan pasaran tempatan.

"Ada orang yang sengaja nak bagi jatuhkan nilai saham, mereka menjual. (Bila) tak ada orang nak beli, jatuhlah harga. Sekarang ini kalau ada peluang belilah," katanya.